

**KAJIAN TENTANG BANGUNAN BERSEJARAH RESIDEN
BRITISH DIJADIKAN SEBAGAI MUZIUM SULTAN ABU
BAKAR, PEKAN PAHANG.**

MUHAMMAD AFI HAZWAN BIN NASARUDDIN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN

2021



**BANGUNAN BERSEJARAH RESIDEN BRITISH DIJADIKAN
SEBAGAI MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PEKAN,
PAHANG.**

DISEDIAKAN OLEH

**MUHAMMAD AFI HAZWAN BIN NASARUDDIN
C18A0143**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2021**

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)	<input type="checkbox"/>
SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.	<input type="checkbox"/>
Dari tarikh _____ hingga _____		
SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*	<input type="checkbox"/>
TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang Ditetapkan oleh organisasi di mana Penyelidikan dijalankan) *	<input type="checkbox"/>

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

Nota*

MUHAMMAD AFI HAZWAN BIN NASARUDDIN

Tarikh:

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kajian tentang bangunan bersejarah residen british dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang”. Disediakan oleh (**MUHAMMAD AFI HAZWAN BIN NASARUDDIN**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	10
ABSTRAK	11
ABSTRACT	12
ISI KANDUNGAN	5
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	13
1.2 Latar belakang kajian	14-15
1.3 Permasalahan kajian	16
1.4 Objektif kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Skop kajian	19
1.7 Kepentingan Kajian	20-21
1.8 Kesimpulan	22

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	23
2.2 Definisi Istilah	24-26
2.3 Sejarah Muzium Sultan Abu Bakar	27-28
2.4 Kerangka Teori	28-30
2.5 Kerangka Konseptual	31
2.6 Teori Estetika	32
2.7 Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI

3.0 Pengenalan	34
3.1 Kaedah Kajian	35-37
3.2 Pendekatan Kajian	37-41
3.3 Reka Bentuk Kajian	42
3.4 Pengumpulan Data	43
3.5 Penutup	44

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	46-47
4.1 Analisis demografi respondan	48
4.2 Sejarah muzium sultan abu bakar	49-51
4.3 Perkembangan dan fungsi muzium sultan abu bakar	52-55
4.4 Keunikkan dan keistimewaan seni bina muzium sultan abu bakar	56-63
4.5 Penutup	64

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	65-66
5.1 Perbincangan dapatan kajian	67-72
5.2 Rumusan	73-74
5.3 Cadangan	75-76
5.4 Penutup	77-78

RUJUKKAN

79-80

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
2.1	Kerangka Konseptual	31
3.1	Proses kajian	41
4.1	Taburan Respondan	48

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang	15
1.2	Peta Lokasi Muzium Sultan Abu Bakar	19
4.1	Muzium Sultan Abu Bakar	49
4.2	Rumah kediaman Resident british	52
4.3	Pameran Muzium Sultan Abu Bakar	57
4.3	Pameran Muzium Sultan Abu Bakar	58
4.5	Tangga kayu Muzium Sultan Abu Bakar	61
4.6	Sebelum Konservasi	62
4.7	Semasa proses konservasi	63
4.8	Selesai Konservasi	63

UNIVERSITI
 —————
 MALAYSIA
 —————
 KELANTAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Saya Muhammad Afi Hazwan Bin Nasaruddin C18A0143 sebagai pelajar Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian Bidang Konservasi Warisan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Farrah Atikah Binti Saari sebagai penyelia saya bagi membantu, memberi tunjuk ajar, membimbing, memberi pandangan serta galakkan yang cukup kuat kepada saya bagi menjalankan kajian penyelidikan saya ini. Saya juga bersyukur kerana diberi peluang untuk menjalankan kajian ni di Universiti Malaysia Kelantan dan dibawah Puan Farrah Atikah Binti Saari.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya lebih-lebih lagi ibu saya iaitu Siti Rohani Binti Romli yang banyak memberikan semangat kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada sahabat-sahabat perjuangan saya yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian penyelidikan ini.

Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu yang telah terlibat dan memberi kerjasama kepada saya sepanjang kajian penyelidikkan dijalankan. Oleh itu, segala suan dan budi baik semua, amatlah saya hargai.

**BANGUNAN BERSEJARAH RESIDEN BRITISH DIJADIKAN SEBAGAI
MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PEKAN, PAHANG.**

ABSTRAK

Di dalam thesis ini, tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji untuk melakukan kajian adalah tentang Bangunan Lama Residen British yang telah dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Bangunan lama residen british ini dibina pada tahun 1 Julai 1888. Namun bangunan ini telah banyak mengalami perubahan iaitu dari segi fungsi dan seni bina tambahan yang telah dilakukan dari masa ke semasa. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang terdapat dalam kajian ini. Antaranya adalah perubahan fungsi bangunan lama residen british itu sendiri. Hal ini kerana terdapat beberapa perubahan fungsi terhadap bangunan lama residen british itu dari masa ke semasa sehingga kini yang telah dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar. Selain itu, keunikkan dan keistimewaan seni bina yang terdapat pada Muzium Sultan Abu Bakar tersebut. Terdapat beberapa objektif kajian yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu untuk mengkaji sejarah bangunan lama residen british ini dan mengenal pasti Keunikkan seni bina yang terdapat pada Muzium Sultan Abu Bakar tersebut. Seterusnya semasa melakukan kajian ini terdapat beberapa kaedah kajian yang telah digunakan, hal ini kerana untuk memudahkan kajain dan mendapatkan maklumat. Antara kaedah yang telah digunakan adalah kaedah temu bual responden. Akhirnya diharapkan agar kajian penyelidikan berkaitan Bangunan Lama Residen British ini dapat dimanfaatkan dan rujukkan yang boleh digunakan oleh semua orang.

Kata Kunci: *Bangunan Bersejarah, Muzium, Keunikkan Keistimewaan, Sultan Abu Bakar,*

ABSTRACT

In this thesis, the title chosen by the researcher to do the study is about the Old British Resident Building which has been used as the Sultan Abu Bakar Museum, Pekan, Pahang. The old British resident building was built on July 1, 1888. However, this building has many underwent changes in terms of function and additional architecture that has been done from time to time. There are several problems of the study found in this study. Among them is the change in the function of the old British resident building itself. This is because there are some functional changes to the old resident building the british from time to time until now which has been used as the Sultan Abu Bakar Museum. In addition, the uniqueness and special features of the architecture found in the Sultan Abu Bakar Museum. There are several objectives of the study that have been used in this study is to study the history of old buildings this british resident and identify the Uniqueness of architecture which is available at the Sultan Abu Bakar Museum. Next, during this study there are several research methods that have been used, this is because to facilitate the study and obtain information. Among the methods that have been used is the method of interviewing respondents. Finally, it is hoped that research related to the building This Old British Resident can be availed and referenced which can be used by everyone.

Keywords: *History building, Uniqueness, Privilege, Sultan abu bakar*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bagi bab ini, menerangkan tentang latar belakang perkembangan peranan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar. Antara Perkara yang akan diterangkan adalah pengenalan. Pada bahagian ini akan menerangkan dan menceritakan kan tentang sejarah Muzium Sultan Abu Bakar serta latar belakang.

Seterusnya, pada bahagian ini juga akan diberikan permasalahan kajian. Hal ini untuk memberikan alasan ataupun sebab mengapa kajian ini dilakukan. Selain itu persoalan kajian, objektif kajian skop kajian, kepentingan kajian dan penutup juga turut ada bagi bahagian ini.

Seterusnya bab ini juga menerangkan tentang mengapa kajian dilakukan, masalah yang terdapat dan kepentingan untuk melakukan kajian ini. Hal ini demikian kerana muzium ini mempunyai sejarah yang dalam serta mempunyai reka bentuk yang menarik yang perlu dikaji bagi mengetahui keistimewaan muzium sultan abu bakar, pekan Pahang ini.

1.1 Latar belakang kajian

Berdasarkan ‘Sejarah Muzium Sultan Abu Bakar Gold Blogspot’ muzium ini merupakan satu peninggalan ataupun warisan daripada zaman dahulu, muzium ini merupakan satu bangunan lama yang telah dibina oleh pihak british bagi tujuan tempat istirehat dan para residen berkumpul. Namun setelah disebabkan beberapa faktor, menyebabkan bangunan tersebut telah berubah fungsinya. Bangunan lama ini telah mengalami banyak perubahan daripada fungsi dan pertambahan rekabentuk bangunan itu daripada masa ke semasa.

Selain itu, bangunan lama ini juga mengalami perubahan fungsinya menjadi sebagai markas untuk tentera jepun, dimana bangunan itu dijadikan sebagai tempat penginapan dan latihan ketenteraan. Seterusnya bangunan ini juga dijadikan sebagai istana Sultan Abu Bakar. Namun hal ini tidak kekal lama disebabkan beberapa faktor dan menyebabkan perubahan fungsi kepada bangunan itu.

Oleh disebabkan hal tersebut terjadi, bangunan lama itu juga banyak menerima perubahan dari segi rekabentuk dan pertambahan bangunan lain. Hal ini demikian kerana untuk menyesuaikan dengan fungsi bangunan pada masa itu. Oleh itu terdapat banyak seni bina dan keunikkan yang ada di bangunan lama tersebut. Antara keunikkan yang terdapat pada bangunan tersebut dimana bangunan tersebut mempunyai rekabentuk yang kuat dan kukuh. Hal ini kerana bangunan tersebut dibina dengan sistem alang dan tiang, oleh itu bangunan lama tersebut menjadi sangat kukuh dan tahan lama.

Akhirnya, bangunan lama tersebut dijadikan sebagai muzium. Dimana muzium ini mempamerkan artifak-artifak lama serta barang-barang yang bersejarah. Hal ini menyebabkan muzium ini menjadi satu tempat yang dikunjungi ramai dan sebagai tempat pelancong datang bagi melihat sejarah yang ada di negara kita.

Maka kajian ini sangat penting dilaksanakan kerana untuk mendapatkan pengetahuan tentang sejarah dan perubahan yang telah berlaku terhadap bangunan Residen tersebut dan dapat disampaikan kepada masyarakat, pelajar-pelajar, serta orang dari negara luar demi kesedaran dan pengetahuan terhadap sejarah negara kita.



Rajah 1.1: Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

UNIVERSITI
[redacted]
MALAYSIA
[redacted]
KELANTAN

1.2 Permasalahan Kajian

Bangunan lama ini merupakan satu bangunan yang mempunyai banyak sejarah dan kisah yang tersendiri. Hal ini kerana bangunan ini merupakan satu bangunan lama yang merupakan satu warisan kepada kita sebagai masyarakat. Bangunan ini juga telah mengalami banyak perubahan dan keunikan yang tersendiri. Dengan itu, terdapat beberapa masalah kajian yang terdapat di kajian ini.

Antara masalah kajian bagi kajian ini adalah perubahan terhadap fungsi itu sendiri. Hal ini kerana Muzium Sultan Abu Bakar ini telah berlaku perubahan daripada fungsinya. Hal ini jelas dapat dilihat berdasarkan sejarah Muzium Sultan Abu Bakar yang telah berubah fungsinya secara berkali-kali. Contohnya bermula dengan Markas tentera jepun, Balai Rong Seni, Istana, Masjid dan Muzium (Portal Rasmi Jabatan Warisan negara)

Seterusnya, disebabkan berlakunya perubahan pada fungsi dan pertambahan reka bentuk bangunan tersebut menyebabkan banyak persoalan yang timbul tentang sejarah dan cerita asal tentang perubahan fungsi tersebut berlaku, maka masalah kajian ini juga adalah untuk mengetahui sejarah dan cerita perubahan yang berlaku terhadap bangunan lama tersebut dari masa ke semasa.

Akhirnya, masalah kajian adalah keunikkan dan seni bina yang semakin bertambah akibat perubahan pada fungsi dan pertambahan bangunan pada Muzium Sultan Abu Bakar itu dari masa ke semasa. Hal ini kerana di setiap fungsi bangunan tersebut mempunyai keunikkan dan seni bina yang tersendiri, (Tengku Halbert-January 11, 2018)

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab permasalahan kajian yang terdapat di dalam kajian ini. Oleh itu kajian ini mempunyai tiga objektif kajian ini iaitu:

- i. Untuk mengetahui sejarah tentang bangunan asal Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang ini.
- ii. Untuk menkaji perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
- iii. Dapat menghuraikan keunikkan dan keistimewaan seni bina Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

1.4 Persoalan Kajian


Semasa melakukan kajian ini, terdapat tiga persoalan yang telah ditemui dalam kajian muzium sultan abu bakar ini, antara persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah:

- i. Apakah sejarah asal bangunan asal Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
- ii. Apakah perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
- iii. Apakah keunikan dan keistimewaan Seni bina Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

1.5 Skop Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih skop kajian bagi melakukan penyelidikan dan kajian. Skop kajian ini telah ditetapkan kepada tiga iaitu sejarah Muzium Sultan Abu Bakar, perkembangan dan fungsi Muzium dari bangunan asal iaitu Bangunan Residen serta untuk mengenal pasti keunikkan dan keistimewaan Seni Bina Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang itu sendiri. Hal ini kerana agar dapat memastikan menyelesaikan permasalahan kajian iaitu untuk mengetahui jenis seni bina dan keunikkan bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan sejarah perkembangan tentang Bangunan Residen agar mengetahui tentang proses atau perubahan pada bangunan tersebut. Seterusnya kajian ini adalah untuk mengkaji setiap seni bina yang terdapat pada Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang ini kerana mempunyai banyak bangunan tambahan yang dibina ketika berlakunya perubahan pada fungsi Bangunan Residen tersebut.



Rajah 1.2: Lokasi Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: <https://www.google.com.my/maps?q=peta+muzium+sultan+abu+bakar>

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah kerana ingin mendedahkan dan memperkenalkan tentang bangunan lama tersebut. Hal ini kerana bangunan tersebut merupakan satu bangunan peninggalan dan warisan negara. Pengetahuan tentang bangunan ini sangat kurang dikalangan masyarakat lebih-lebih lagi bagi golongan muda sekarang. Hal ini demikian kerana kurang pendedahan pada perkara seperti warisan tersebut. Selain itu juga akibat kurang minat di dalam diri generasi muda sekarang. Oleh itu kajian ini dijalankan dan merupakan satu kajian yang mempunyai kepentingan terhadap masyarakat.

Antara kepentingan yang pertama adalah untuk mengetahui tentang bangunan lama bersejarah ini iaitu Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang ini yang asalnya adalah Bangunan Residen. Hal ini juga bagi memastikan pengkaji serta masyarakat tahu tentang sejarah yang ada di negara kita. Selain itu, kita juga perlu tahu tentang reka bentuk yang digunakan atau yang terdapat pada bangunan tersebut. Hal ini kerana untuk pengetahuan masyarakat dan generasi muda tentang bangunan bersejarah itu. Selain itu, ia juga untuk memudahkan agar maklumat tentang warisan di negara kita sendiri lengkap agar mudah untuk disebarluaskan kepada masyarakat dan diceritakan kepada pelancong asing.

Seterusnya, kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar dari masa ke semasa. Hal ini demikian Muzium ini telah berlaku beberapa perubahan dari segi fungsi dan perkembangan bangunan tersebut. Oleh itu, kajian ini penting untuk pengetahuan kita semua tentang bangunan bersejarah ini bagi menandakan penghargaan kepada warisan negara kita. Hal ini juga penting agar warisan ini sentiasa diingati oleh semua

masyarakat di negara ini dan generasi muda dan yang akan datang, walaupun zaman yang semakin moden.

Akhirnya, kepentingan kajian ini adalah untuk mengenal tentang bangunan lama tersebut dengan lebih mendalam dan tepat. Dengan ada kajian seperti ini yang mengkaji tentang sejarah dan warisan yang terdapat di negara kita, ia sedikit sebanyak dapat membantu dalam pengetahuan dan memudahkan masyarakat untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan warisan-warisan yang ada di negara sendiri. Oleh itu, kajian seperti ini harus diperbanyakkan bagi membantu dalam memperkenalkan semula warisan negara kepada masyarakat.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.7 Kesimpulan

Kesimpulannya pada bab ini, kajian ini menerangkan tentang sejarah bangunan lama ini bagi memudahkan kefahaman dan pengetahuan. Selain itu, pada bab ini juga menerangkan tentang tujuan kajian ini dijalankan, masalah yang terdapat dalam kajian ini sehingga dilakukan serta kepentingan dan faedah yang akan didapati jika kajian ini dijalankan.

Seterusnya, Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang ini mempunyai pelbagai reka bentuk dan keunikkan yang tersendiri. Hal ini demikian kerana Muzium ini telah mengalami beberapa perubahan dari segi kegunaan dan telah dibina bangunan tambahan ataupun dinaik taraf. Oleh itu, Muzium tersebut mempunyai berbagai jenis seni bina dan keunikkan yang tersendiri.

Akhirnya bab ini hanya memerangkan tentang tajuk sebab kajian ini dijalankan, dan kepentingan kajian ini dijalankan kepada masyarakat dan orang di negara ini yang kurang pengetahuan tentang sejarah warisan yang terdapat di negara ini, khususnya generasi muda.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan satu kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lalu dalam menjawab dan mendapatkan maklumat yang tertentu. Oleh itu, sorotan kajian ini sangatlah penting dan berguna kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin melakukan kajian. Hal ini demikian kerana akan memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk membantu penyelidikan dan kajian mereka. Antara contoh sorotan kajian lepas adalah melalui penulisan ilmiah, buku, bahan rujukan, video dan laman web di internet. Sorotan kajian ini juga dinyatakan oleh Brymen & Bell (Brayman, 2006) adalah proses untuk menghuraikan, menilai dan menjelaskan tentang sesuatu kajian tersebut. Bagi melakukan kajian ini, pengkaji akan memfokuskan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan Muzium Sultan Abu Bakar. Dengan adanya rujukan daripada kajian-kajian lepas ini, ia akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan Maklumat berkaitan dengan Muzium Sultan Abu Bakar ini.

2.1 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah merupakan istilah-istilah penting yang telah digunakan di dalam satu-satu kajian tersebut. Istilah yang telah digunakan dan dinyatakan hendaklah jelas dan tepat. Hal ini demikian kerana untuk memastikan pembaca yang lain akan mudah faham dan jelas tentang perkara yg telah disampaikan tersebut. Hal ini kerana setiap pembaca berkemungkinan untuk mempunyai kefahaman dan pendapat yang tersendiri. Oleh itu, istilah yang tepat dan mudah akan membantu pembaca lain untuk faham tentang perkara yang ingin disampaikan oleh pengkaji.

2.1.1 Definisi Warisan

Menurut Jabatan Warisan Negara definisi warisan adalah merupakan sesuatu yang diwarisi kapada negara, dan masyarakat daripada hasil peninggalan masyarakat yang terdahulu. Warisan ini juga merupakan Khazanah Negara yang pernah dan juga sedang dimiliki oleh negara dan sesuatu kelompok masyarakat yang mempunyai tanggungjawab untuk mereka melindunginya daripada rosak, tercemar dan dilupakan oleh masyarakat sekarang mahupun generasi yang akan datang. Seterusnya, warisan ini juga dikatakan sebagai ilmu pengetahuan, dan kepakaran dalam melakukan sesuatu yang telah diwarisikan kepada kita. Terdapat beberapa cara warisan tersebut diwariskan kepada kita iaitu melalui cara hidup serta kepercayaan sesuatu perkara yang telah dijadikan objek budaya. Akhirnya, warisan ini juga dikatakan untuk mengambarkan memori secara keseluruhan hidup masyarakat terdahulu dan melambangkan ketamadunan masyarakat pada masa itu.

2.1.2 Definisi Bangunan Bersejarah

Menurut JWN (2009) bangunan lama atau bangunan bersejarah adalah merupakan bangunan bersejarah dimana bangunan tersebut merupakan satu bangunan yang berasingan atau bangunan yang bersambungan disebabkan oleh faktor seni binanya dan tempatnya di dalam sesuatu landskap. Selain itu banguna bersejarah ini juga mempunyai nilai yang sangat menonjol iaitu dari segi seni bina, sains dan pandangan sejarah. Namun begitu, Fielden (2000) pula menyatakan bahawa bangunan bersejarah ini adalah satu bangunan yang mampu untuk menimbulkan perasaan kagum di dalam diri seseorang. Seterusnya, ia juga mampu membuat kita menjadi lebih tertarik untuk mengetahui tentang bangunan tersebut dengan lebih jauh lagi, seperti dari segi budaya dan bangsa yang telah menghasilkan bangunan tersebut. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa bangunan yang usianya mencapai 100 tahun dan mempunyai ciri-ciri seperti seni bina, arkeologi, sosial dan politik, sesuatu bangunan itu layak untuk dipanggil sebagai bangunan bersejarah.

2.1.3 Definisi Seni Bina

Seni Bina merupakan teknik dan seni dalam merancang sesuatu bangunan dan di persekitaran bangunan. Seni bina ini merupakan proses artistik dan teknikal dimana ia melibatkan penerangan ruang yang tersusun dan kreatif. Seni bina ini juga merupakan susunan bangunan ataupu satu elemen yang membentuk sesuatu bangunan serta ruang secara umum. Prinsip, Teknik, norma serta bahan yang digunakan adalah elemem yang terdapat di dalam seni bina yang akan digunakan oleh arkitek dalam merangka sesuatu bangunan. Seterusnya dari secara etimologi, artsitetur berasal daripada akhitekton Yunani. Setiap tamadun pada masa dahulu telah mencipta reka bentuk dan seni bina

mengikut unsur-unsur mereka yang tersendiri. Contohnya dari segi budaya, tradisi, cara hidup dan inspirasi pada masyarakat masing-masing pada masa itu.

2.1.4 Definisi Perkembangan

Perkembangan merupakan salah satu proses yang pasti akan berlaku kepada individu dan kepada sesuatu benda serta perkara. Perkembangan ini juga bersifat kualitatif dan berhubung dengan peningkatan sesuatu perkara. Ahmad Sudrajat (2008) telah memberikan definisi bahawa perkembangan itu dapat dijelaskan sebagai perubahan yang sistematis, dan progresif. Perkembangan ini juga merujuk kepada perkembangan sesuatu menjadi lebih baik, maju, besar, dan perubahan. Proses perkembangan ini akan terus berjalan dan terjadi kepada sesuatu perkara sama ada menjadi lebih baik atau sebaliknya.

2.1.5 Definisi Muzium

Mengikut kajian oleh Nor Hanisah Binti Ahmad, muzium adalah merupakan satu tempat atau bangunan yang telah dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan khazanah-khazanah warisan sejarah pada masa dahulu dan juga budaya bagi bangsa di sesebuah negara. Selain itu, secara etimologis, muzium merupakan satu istilah yang berasal daripada Yunani iaitu Muosiori iaitu merupakan satu nama bagi kuil suci yang juga dipercayai dapat menghiburkan kepada orang yang datang kesana. Seterusnya, muzium ini juga dipercayai sebagai tempat untuk ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli ilmuan untuk datang berkumpul bagi bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan. Pada masa kini, penubuhan muzium semakin berkembang dan jumlah muzium yang terdapat di negara semakin bertambah banyak.

2.2 Sejarah Muzium Sultan Abu Bakar

Berdasarkan kajian lepas yang dikaji oleh Ahmad farid Abd Jalal juga ada mengatakan bahawa Muzium Sultan Abu Bakar ini telah ditubuhkan atau diistiharkan sebagai muzium adalah pada tahun 1975 oleh kerajaan negeri Pahang. Selain itu, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga telah dikekalkan strukturnya dan masih berfungsi sebagai masjid. Seterusnya muzium ini juga mempamerkan koleksi-koleksi lama daripada sumbangan islam ketika membina tamadun pada masa lalu seperti Al-Quran, Manuskrip dan yang lain-lain. Seterusnya, selain berfungsi sebagai muzium dan masjid, muzium ini juga berfungsi sebagai tempat non-muslim untuk mendapatkan maklumat tentang islam dengan lebih mendalam lagi.

Seterusnya, struktur seni bina Muzium Sultan Abu Bakar ini juga telah menggunakan dua sistem, iaitu sistem tiang dan alang, serta sistem dinding tanggung beban. Dengan adanya sistem ini, struktur Muzium Sultan Abu Bakar ini akan menjadi kukuh dan dapat menampung beban dengan kuat. Buktinya Muzium Sultan Abu Bakar ini masih kukuh sehingga ke hari ini. Dengan adanya tiang-tiang yang banyak telah dibina pada muzium ini, ia membuatkan muzium ini menjadi kukuh dan kuat.

Selain itu, terdapat juga penerangan dalam kajian lepas iaitu mengenai susun atur di dalam Muzium Sultan Abu Bakar ini. Dalam susun atur di muzium ini telah memecahkan kepada tiga tema iaitu mengikut jenis. Contohnya tema pertama berkaitan dengan islam. Seterusnya pihak muzium telah membuat pemilihan yang rapi dalam memilih objek dan artifak. Contohnya melalui keunikkan dan fungsi sesuatu objek dan artifak tersebut. Dengan menggunakan kaedah susun atur ini, pameran akan menjadi lebih kemas dan tersusun. Seterusnya ia juga akan memudahkan orang ramai untuk mencari sesuatu artifak dan koleksi dengan mudah.

Kesimpulannya, Muzium Sultan Abu Bakar ini merupakan satu peninggalan warisan yang sangat berharga dan harus dikekalkan. Hal ini demikian kerana warisan ini merupakan harta serta imej di negara kita yang mengambarkan tentang keadaan dan suasana pada masa dahulu. Warisan ini haruslah dikekalkan dan diperkenalkan kepada orang ramai serta negara luar tentang sejarah warisan negara yang berharga ini.

2.3 Kerangka Teori

Teori merupakan sebuah sistem atau konsep abstrak yang menghasilkan hubungan antara konsep-konsep yang membolehkan kita memahami sebuah kejadian atau fenomena. Terdapat tiga perkara yang perlu kita ambil berat apabila ingin mengetahui tentang teori ini. Antaranya ialah, teori adalah proporsi yang terdiri daripada konstrak yang berdefinisi sebagai sesuai dengan hubungan unsur-unsur dalam proporsi dengan jelas.

Seterusnya, teori juga berfungsi untuk menjelaskan dan menerangkan hubungan diantara variable sehingga kepada pandangan sistematik. Dengan itu, fenomena yang akan diterangkan variable akan menjadi lebih jelas. Yang ketiga adalah, teori akan menerangkan sesuatu fenomena itu dengan cara menspesifikasikan variable yang berhubungan diantara satu sama lain.

Teori juga bermaksud sebagai konsep dan definisi yang berhubung diantara satu sama lain yang mengambarkan suatu pandangan yang sistematik mengenai sesuatu fenomena dengan menerangkan dan menjelaskan hubungan diantara variable untuk mengambarkan dan meramal sesuatu fenomena dengan lebih jelas, kata Siswoyo “Dalam Mardalis, 2003:42”.

Namun mengikut Buku Erwan dan Dyah 2007, definisi teori adalah serangkaian konsep yang mempunyai hubungan sistematis bagi menjelaskan satu fenomena sosial yang tertentu. Seterusnya, beliau juga turut menyatakan bahawa teori juga merupakan perkara yang fundamental yang perlu difahami dan diteliti oleh semua pengkaji jika melakukan penelitian. Hal ini kerana teori yang digunakan boleh menemukan dan merumuskan permasalahan secara sosial secara sistematis, namun ia perlu dilanjutkan untuk dikembangkan secara bentuk hipotesis-hipotesis penelitian.



2.3.1 Teori Seni Bina


Dalam melakukan kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori seni bina dalam menyelesaikan dan menjawab segala persoalannya. Selain itu, pengkaji memilih teori seni bina ini juga adalah kerana sesuai dengan objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengetahui keunikan dan keistimewaan seni bina Muzium Sultan Abu Bakar.

Seni Bina adalah merupakan satu istilah umum untuk menunjukkan bangunan serta struktur fizikal yang lain. Terdapat seni dan sains di dalam seni bina yang bertujuan untuk merancang struktur bukan binaan dan bangunan. Seni Bina juga merupakan gaya reka bentuk dan cara pembinaan struktur fizikal yang lain. Seni Bina ini juga merupakan pengetahuan tentang sains, seni, teknologi serta manusia. Menurut kamus seni bina Perancis (1856) yang ditulis oleh Eugene violet-le-duc, seni bina adalah merupakan satu perbuatan secara berfikir, berbincang, serta menulis tentang seni bina. Teori seni bina ini juga dipercayai telah wujud sejak zaman kuno lagi.

Menurut seorang ahli arkitek yang bernama Vitruvius polio berasal daripada Rom, kesemua bangunan yang dibina haruslah mempunyai tiga sifat iaitu, kekuatan, utility dan juga kecantikan. Beliau juga terkenal dengan karya yang telah dikeluarkan oleh beliau iaitu De Arsitekura. Di dalam karya tersebut terdapat perbincangan tentang perkadaran yang sempurna di seni bina serta tubuh manusia.

Oleh itu, Teori Seni Bina ini sangat penting dan bersesuaian untuk digunakan di dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana Muzium Sultan Abu Bakar ini mempunyai banyak reka bentuk dan keseniannya. Hal ini kerana, Muzium ini mengalami banyak perubahan dari segi kegunaan dan reka bentuknya. Contohnya, Markas tentera Jepun, Istana, Balai Rong Seni dan Muzium. Dengan adanya Teori Seni Bina ini, ia akan dapat menjawab objektif kajian iaitu untuk mengetahui keunikan dan keistimewaan seni bina Muzium Sultan Abu Bakar.

2.4 Kerangka Konseptual



Rajah 2.1: Kerangka konseptual

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.5 Teori Estetika

Perkataan estetika ialah salah satu cabang falsafah yang mengkaji tentang konsep berdasarkan dengan keindahan, cita rasa, seni dan lain-lain yang telah diterangkan di kamus dewan. Selain itu estetika juga di beri maksud yang bercirikan keindahan, beharga, menarik, minat dan sesuatu yang penting, “Kamus Wilkinson (1903). Oleh itu, sesuatu yang mempunyai ciri-ciri yang berikut seperti keindahan, seni dan yang lain- lain adalah merupakan sesuatu yang mempunyai teori estetika di dalamnya. Oleh itu, definisi yang telah diberikan oleh kamus-kamus tersebut jelas menuntukkan bahawa Bangunan Lama British atau lebih dikenali pada masa kini iaitu Muzium Sultan Abu Bakar adalah mempunyai nilai keindahan dan seni estetika disebabkan bangunan yang cantik dan berseni.

Seterusnya, Hal ini jelas dapat dilihat pada reka bentuk dan seni yang terdapat pada bangunan lama itu sendiri. Dengan mempunyai seni reka bentuk yang menarik dan unik ia telah menonjolkan lagi keindahan pada bangunan tersebut. Selain itu, seni reka bentuk yang terdapat pada bangunan tersebut dipengaruhi oleh keadaan dan keadaan pada masa itu sendiri. Hal ini kerana bangunan tersebut mengalami perubahan dari segi fungsi dan pertambahan bangunan. Oleh itu terdapat pelbagai jenis keunikkan pada bangunana dan seni bina bangunan tersebut.

Akhirnya, jelaslah bahawa teori ini menunjukkan bahawa ia merupakan salah satu unsur seni yang mempunyai kaitan dengan Bangunan Lama British berdasarkan rekabentuk bangunan, dan struktur bangunan tersebut yang menunjukkan bahawa ia mempunyai nilai estetika.

2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, Sorotan kajian merupakan satu cara dan jalan yang sangat penting serta mempunyai banyak kelebihan jika pengkaji menggunakan kaedah sorotan kajian ini. Hal ini kerana, sorotan kajian merupakan salah satu cara yang berkesan untuk meneliti serta mendapatkan maklumat dan pengetahuan tentang sesuatu kajian dengan merujuk dan meneliti kajian-kajian lepas. Selain itu, sorotan kajian ini juga penting bagi sesuatu kajian yang hendak dijalankan kerana ia merupakan satu rujukan yang sangat berguna dan untuk menyokong serta mengukuhkan dapatan kajian dan hasil daripada penyelidikan yang telah dikaji.

Seterusnya, sorotan kajian ini juga berfungsi sebagai untuk membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih jelas dan tepat tentang skop kajian, metodologi kajian serta maklumat-maklumat lain yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menyelesaikan kajian lepas dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana Sorotan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai contoh dan penanda aras kepada pengkaji lain dalam melakukan dan menyelesaikan kajian mereka.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Melalui bab 3 ini, akan menerangkan tentang Metedologi kajian. Dimana terdapat beberapa aspek kajian yang perlu dilaksanakan dan mengambil berat tentang kaedah yang digunakan oleh pengkaji semasa melakukan kajian ini. Antara aspek yang perlu ada di dalam kajian ini adalah reka bentuk metodologi yang telah digunakan sepanjang menjalankan kajian ini.

Seterusnya, metodologi kajian ini adalah satu bahagian yang sangat penting di dalam sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana, untuk melakukan kajian dan menjayakan sesuatu kajian, pengkaji haruslah menggunakan metodologi yang betul dan sesuai dengan kajian tersebut. Hal ini demikian kerana metodologi yang betul dan sesuai akan dapat memudahkan pengkaji untuk melakikan kajian dan mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih berkesan dan mudah.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Semasa menjalankan kajian ini, terdapat tiga kaedah reka bentuk kajian yang boleh digunakan oleh pengkaji dalam melakukan sesuatu penyelidikan. Keadah yang dipilih haruslah bersesuaian dengan tajuk yang telah dipilih. Antara kaedah yang sesuai adalah:

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ini merupakan satu kaedah yang terdapat di dalam reka bentuk kajian yang dimana merupakan seperti kaedah yang melibatkan tentang cerita-cerita atau penerangan oleh seseorang yang mempunyai kepakaran dan ilmu yang tinggi di dalam sesuatu bidang yang tertentu. Selain itu kaedah ini juga seperti melihat kepada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji lain atau kajian yang tajuk berkait ataupun hampir sama dengan tajuk kajian. Seterusnya kaedah ini juga melibatkan seperti teori-teori yang berkaitan dengan tajuk dan boleh diguna pakai oleh pengkaji bagi melakukan sesuatu penyelidikan. Seterusnya kaedah kualitatif ini juga dikatakan merupakan kajian semulajadi yang tidak mengikuti spesifikasi statistic, seterusnya ia juga dikatakan sebagai dapatan kajian yang diperoleh digeneralisaskan (Schostak, Jonh F, 2002).

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan dalam reka bentuk kajian di dalam sesuatu penyelidikan. Antara contoh kaedah kuantitatif adalah seperti menemubual orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan tentang bidang yang berkaitan dengan kajian tersebut, serta kaedah soal selidik. Bagi kaedah temu bual ini, adalah seperti pergi berjumpa dengan seseorang yang berpengetahuan luas dan arif dalam sesuatu bidang dan mengemukakan persoalan bagi mendapatkan jawapan dan maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan kajian tersebut. Seterusnya bagi kaedah soal selidik pula adalah seperti pergi mendapatkan beberapa orang responden untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan kajian serta menjawab persoalan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan.

3.1.3 Kaedah Campuran

Bagi kaedah campuran ini pula, ia merupakan kaedah yang digunakan secara kedua-duanya sekali di dalam kajian penyelidikan yang dilakukan. Keadah yang digunakan bagi kaedah campuran ini adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Bagi kaedah kualitatif iaitu dengan menjalankan temu bual terhadap individu yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang tersebut. Manakala bagi kuantitatif pula adalah dengan melakukan soal selidik dengan responden, bagi mendapatkan maklumat dan jawapan kepada persoalan yang telah diberikan.

3.1.4 Kaedah Pilihan Reka Bentuk

Reka bentuk kajian ini dijalankan dengan mengutamakan tentang cara dan bagaimana untuk pengkaji mendapatkan maklumat dan menjawab setiap persoalan yang timbul. Kaedah yang digunakan lebih banyak di dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah utama ialah temu bual responden. Selain itu bahan rujukan seperti artikel-artikel dan kajian-kajian lepas juga merupakan satu bahan dan kaedah yang penting di dalam sesuatu kajian. Hal ini kerana bahan rujukan seperti artikel dan kajian lepas ini merupakan satu bukti ataupun maklumat yang sahih dan boleh dipercayai serta maklumat yang tepat. Oleh itu, kaedah ini diguna pakai adalah disebabkan ia merupakan satu aspek yang penting di dalam setiap kajian penyelidikan berbanding dengan kaedah yang lain yang perlu ada di dalam kajian.

3.2 Pengumpulan Data

Dalam melakukan atau menjalankan sesuatu kajian, pengumpulan data sangat penting dan merupakan langkah terawal yang perlu dilakukan bagi menjalankan sesuatu kajian. Kaedah pengumpulan data ini sangat penting dan penyumbang terbesar bagi menjalankan kajian. Hal ini demikian kerana, langkah pengumpulan data ini akan memberikan maklumat yang banyak bagi menyelesaikan atau menjawab segala persoalan yang terdapat dalam sesuatu kajian. Langkah awal sebelum memulakan sesuatu kajian, kaedah pengumpulan data haruslah dikenal pasti terlebih dahulu bagi memudahkan untuk mendapatkan maklumat ataupun data. Bagi kajian ini, antara kaedah yang digunakan bagi mengumpul data untuk menjawab atau menyelesaikan permasalahan kajian serta persoalan kajian adalah dengan merujuk kajian lepas. Hal ini kerana dengan merujuk kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian, akan lebih

mudah untuk mendapatkan maklumat yang banyak dan tepat untuk kajian yang sedang dilakukan.

3.2.1 Data Primer

Data primer merupakan satu langkah yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk mendapatkan maklumat bagi menjalankan kajian. Antara kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data primer adalah dengan melakukan kaedah pemerhatian. Kaedah ini adalah dengan melihat dan mentafsir dalam pemerhatian bagi mendapatkan maklumat dan data. Seterusnya kaedah yang boleh dilakukan untuk bagi mendapatkan maklumat dan data dalam data primer adalah dengan menjalankan kaedah temubual responden. Pengkaji boleh melakukan temubual dengan responden untuk menjawab segala persoalan yang terdapat dalam kajian tersebut. Hal ini dapat memudahkan lagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat kerana menerima respon daripada orang ramai yang telah ditemubual dan menjawab soalan yang telah diberikan. Dengan adanya kaedah temubual dan pemerhatian yang telah dilakukan pada kajian ini, ia akan mengukuhkan lagi maklumat dan data yang telah diperolehi untuk digunakan dan menjawab persoalan di dalam kajian tersebut.

3.2.2 Data Sekunder

Seterusnya dalam proses membuat kajian ini juga terdapat proses mengumpukan atau mencari data sekunder. Data sekunder merupakan data dan maklumat yang telah dikumpul atau didapati melalui bahan yang sedia ada. Kaedah sekunder juga dapat membantu sedikit sebanyak dalam menyelesaikan kajian dan menjawab persoalan yang terdapat di sepanjang kajian tersebut dijalankan. Kajian bagi mendapatkan data dan maklumat adalah:

I. Perpustakaan

Perpustakaan boleh dijadikan sebagai tempat untuk mendapatkan data. Hal ini kerana terdapat buku-buku yang mempunyai banyak data dan maklumat tentang sesuatu bidang yang berkaitan dengan tajuk kajian itu. Selain itu, data dan maklumat daripada sumber perpustakaan ini juga mudah untuk didapati kerana terdapat banyak buku dan perpustakaan di mana-mana tempat.

II. Artikel


Artikel juga merupakan salah satu sumber yang boleh dikategorikan sebagai data sekunder. Artikel merupakan satu penulisan yang telah dibuat oleh seseorang pengkaji tentang kajian yang telah dilakukannya. Oleh itu, artikel merupakan satu pilihan atau rujukan yang tepat yang boleh dilakukan pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat yang diingini. Selain itu, artikel ini juga boleh menguatkan lagi maklumat dan data yang lain dalam melakukan kajian ini.

III. **Bahan Ilmiah**

Bahan ilmiah merupakan satu bahan dimana boleh didapati di mana-mana penulisan seperti akhbar atau majalah. Oleh itu bahan ilmiah boleh dijadikan sebagai data sekunder. Bahan ilmiah ini juga sangat berguna untuk memberikan data dan maklumat tambahan bagi kajian tersebut serta sedikit sebanyak dapat menguatkan dan mengukuhkan data yang lain.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2.3 Proses Kajian



Rajah 3.1: Proses Kajian

3.3 Persampelan

Persampelan merupakan satu tindakkan dimana melakukan sesuatu pemilihan suatu kumpulan seperti orang, institusi, atau tempat. Tujuan persampelan ini adalah untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan tentang sesuatu perkara bagi menyelesaikan kajian tersebut. Persampelan ini juga mempunyai matlamat yang tersendiri dimana ia bertujuan untuk mendapatkan sampel yang boleh menggambarkan tentang keadaan dan sesuatu perkara. Oleh itu, pengkaji akan menjadi lebih mudah untuk menjalankan sesuatu kajian dengan mudah akibat data yang mencukupi. Antara persempelan yang diambil adalah dikategorikan kepada dua iaitu:

I. Masyarakat

Persampelan akan diambil daripada golongan masyarakat setempat. Hal ini kerana masyarakat juga mempunyai pengetahuan tentang sejarah Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang ini lebih-lebih lagi golongan tua. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ini adalah dengan menggunakan kaedah temu bual. Dengan adanya tindakkan menemu bual, pengkaji akan mendapatkan data yang berguna daripada respondan.

II. Organisasi Pekerja Muzium

Persampelan juga boleh dilakukan dengan mendapatkan data dan maklumat di tempat itu sendiri. Hal ini demikian kerana Sudah tentu pekerja dan pengurus muzium tersebut mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang sejarah muzium tersebut. Dengan itu, kaedah temu bual juga boleh dilakukan di sana umtuk membuat persampelan

3.4 Instrument

Semasa menjalankan kajian penyelidikan ini, terdapat beberapa kaedah instrument yang telah diguna pakai oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana untuk mengumpul dan mendapatkan data yang diperlukan bagi menyelesaikan kajian tersebut. Antara kaedah instrumen yang digunakan adalah seperti:

3.4.1 Temubual

Semasa kajian penyelidikan ini dijalankan, kaedah instrument telah diguna pakai bagi mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan. Antara kaedah yang digunakan adalah Temubual. Kaedah ini adalah dengan pergi menemubual seseorang individu yang mempunyai pengetahuan yang tinggi di dalam sesuatu bidang dan berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Selain itu, menemubual juga dilakukan kepada orang ramai ataupun masyarakat untuk mendapatkan responden dan jawabpan dari mereka. Hal ini demikian kerana dengan melakukan kaedah Temubual ini, pengkaji akan mendapat lebih banyak data serta maklumat yang diperlukan bagi mengjalankan kajian tersebut. Seterusnya antara aktiviti yang boleh dilakukan oleh pengkaji semasa melakukan temubual, pengkaji boleh merakam, merekod, mencatat serta mengambil gambar semasa berlakunya aktiviti temubual dilakukan. Hal ini demikian kerana ia boleh dijadikan sebagai bukti serta mengukuhkan lagi data-data dan maklumat yang diperolehi semasa temubual dilakukan.

3.5 Analisis Data

Analisis data akan dilakukan setelah pengkaji berjaya mengumpul data dan maklumat yang diperlukan. Dimana antara sumber data yang telah diperolehi daripada kaedah temubual yang telah dilakukan dengan menemubual individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran terhadap bidang tersebut. Selain itu, data hasil daripada respondan yang telah ditemubual oleh pengkaji.

Setelah mendapatkan data daripada sumber tersebut, pengkaji juga harusalah membuat kajian terlebih dahulu agar data yang diperolehi kukuh dan tepat. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah, pengkaji hendaklah membuat kajian dan meneliti kajian-kajian lepas yang telah dikaji berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu pengkaji juga boleh merujuk atau mendapatkan data tambahan melalui internet dan laman sosial yang lain. Hal ini demikian kerana internet dan laman sosial mempunyai banyak maklumat dan mudah untuk mendapatkannya.

Akhirnya setelah melakukan pengumpulan data dan kajian terhadap kajian lepas dan lain-lain, Pengkaji akan melakukan penyusunan mengikut kategori dan merangka data tersebut. Hal ini demikian kerana untuk membuatkan data tersebut menjadi lebih jelas dan teratur mengikut keperluan di dalam kajian penyelidikan. Hal ini demikian kerana untuk membuatkan kajian tersebut menjadi lebih teratur dan kemas mengikut urutan kajian ini sendiri serta akan mudah untuk difahami oleh pengkaji dan pembaca kajian tersebut.

3.6 Kesimpulan

Pada Bab ini, secara keseluruhannya menerangkan dan menceritakan tentang bagaimana serta kaedah yang digunakan di dalam kajian untuk mendapatkan data dan maklumat tentang kajian tersebut. Antara kaedah yang telah digunakan adalah dengan menggunakan keadah kualitatif. Kaedah ini diguna pakai kerana merupakan salah satu cara yang berkesan untuk mendapatkan data dan maklumat. Antara perkara yang dilakukan adalah dengan pergi menemubual individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Hal ini dapat mengumpulkan data dan maklumat yang banyak. Selain itu, boleh juga mendapatkan responden untuk memberikan pandangan ataupun menjawab soalan yang telah disediakan berkaitan kajian tersebut. Hal ini juga dapat mengukuhkan lagi data dan maklumat yang telah diperolehi.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bab 4 ini adalah akan menerangkan dan menjawab segala persoalan, dan objektif kepada kajian ini. Pada bab ini juga akan dinyatakan dan diberikan semua maklumat yang telah pengkaji dapatkan daripada analisis dan pengumpulan data bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang terdapat pada kajian yang telah dijalankan

Bab ini merupakan bab yang sangat penting dalam sesuatu penyelidikkan kerana di bab ini akan menjawab kesemua permasalahan kajian yang terdapat dan menjawab kepada setiap objektif kajian ini dijalankan. Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif kajian yang diberikan oleh pengkaji iaitu yang pertama adalah untuk mengetahui sejarah tentang bangunan asal Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Hal ini demikian kerana bangunan lama tersebut mempunyai pelbagai kisah sejarah yang telah berlaku kepada bangunan tersebut. Seterusnya adalah untuk mengkaji perkembangan Fungsi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Hal ini kerana bangunan tersebut telah mengalami beberapa perubahan dari segi fungsi dan

pertambahan bangunan lain. Bagi objektif yang terakhir adalah dapat menghuraikan keunikkan dan keistimewaan seni bina Muzium Sulttan Abu Bakar. Hal ini demikian kerana muzium tersebut mempunyai keunikkan dari segi infrastruktur dan seni bina yang telah digunakan.

Bagi menjawap objektif kajian tersebut, pengkaji telah menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah temubual dengan penduduk yang tinggal di sekitar Bangunan lama itu. Hal ini kerana untuk membantu pengkaji menjalankan kajian serta menjawab kepada permasalahan kajian dan objektif kajian. Kaedah temubual ini sangatlah penting dan dapat membantu pengkaji menjalankan kajian dengan mudah dan cepat. Disebabkan kaedah temubual ini juga pengkaji mendapat maklumat yang diperlukan oleh pengkaji untuk menjawab permasalahan kajian dan objektif kajian, jelas menunjukkan, dan menceritakan tentang sejarah bangunan lama tersebut dan penerangan bahawa bangunan tersebut telah mengalami beberapa kali perubahan dari segi fungsinya sebelum dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar Pekan Pahang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.2 Analisis Demografi Respondan

Respondan merupakan individu yang telah dipilih dan dijadikan sebagai tempat rujukan dan pertanyaan bagi sesuatu kajian tersebut. Tugas respondan adalah menjawab dan menceritakan setiap soalan-soalan yang telah disediakan dan diberikan oleh pengkaji kepada mereka. Hal ini demikian kerana untuk membantu pengkaji untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumat bagi menjalakan kajian serta menyelesaikan persoalan dan menjawab kepada objektif kajian tersebut. Oleh itu, respondan merupakan satu perkara yang penting dan berguna dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Jadual dibawah merupakan pecahan umur, nama dan kod respondan.

Bil	Nama respondan	Umur
1	Baseri Bin Yazek	40
2	Mohd Sazli Bin Zulkifli	36
3	Mohammad Faqhri Bin Mohd Bahari	23

Jadual 4.1: Taburan Responden

4.3 Sejarah bangunan asal Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.



Rajah 4.1: Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan Pahang

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

Muzium Sultan Abu Bakar Pekan Pahang merupakan satu bangunan lama yang telah ditinggalkan oleh generasi yang terdahulu. Muzium Sultan Abu Bakar ini juga merupakan satu warisan yang bernilai yang penting kepada masyarakat dan negara kita. Oleh itu, Bangunan lama Muzium Sultan Abu Bakar ini mempunyai banyak sejarahnya yang tersendiri. Bangunan lama ini telah dibina oleh pihak british pada masa dahulu setelah kedatangan pihak british ke tanah melayu. Antara individu yang terlibat dalam pembangunan bangunan lama ini adalah seorang individu british yang bernama Mr.J.P. Rodger. Tarikh Bangunan lama ini dibina adalah pada tahun 1 julai 1888. Seterusnya,

tujuan bangunan lama ini dibina oleh pihak british adalah untuk dijadikan sebagai tempat tinggal kepada residen british yang datang menetap di tanah melayu pada masa itu atas urusan yang tertentu.

Namun bahawa bangunan lama ini hanya dijadikan sebagai tempat tinggal Resident british hanya sementara sahaja. Hal ini demikian kerana Resident British tersebut harus berpindah ke tempat yang lain. Hal ini kerana berlakunya perubahan ibu negeri di negeri Pahang yang telah ditukarkan di Kuala Lipis, Pahang. Dengan berlakunya perubahan ibu negeri ini menyebabkan resident british tersebut harus berpindah ke Kuala Lipis. Dengan itu juga, bangunan lama tersebut tidak lagi digunakan atau berfungsi sebagai tempat tinggal resident british lagi. Setelah bangunan itu tidak dijadikan sebagai tempat tinggal resident british, bangunan lama itu telah dijadikan sebagai tempat rehat dan persinggahan oleh pihak british seperti pegawai-pegawai yang datang ke negeri tersebut atas urusan yang perlu mereka selesaikan di negeri tersebut. Seterusnya, bangunan lama ini telah mengalami beberapa perubahan daripada segi fungsi dan berlakunya pertambahan infrastruktur bangunan yang ditambah apabila berlakunya perubahan fungsi pada bangunan lama tersebut. Hal ini berlaku kerana setiap kali bangunan itu dijadikan sesuatu tempat yang khas kepada sesuatu fungsi, ia tidak akan kekal dalam jangka masa yang lama. Hal ini demikian kerana akan berlaku perpindahan atau pertukaran tempat bagi individu yang duduk menetap di bangunan lama tersebut ataupun organisasi yang menggunakan bangunan itu dengan tujuan mereka sendiri. Contohnya, bangunan lama tersebut pernah dijadikan juga sebagai markas tentera jepun. Bangunan itu telah digunakan oleh pihak tentera jepun untuk menempatkan askar mereka dan menjadikan sebagai markas. Dengan itu, bangunan itu juga digunakan sebagai tempat tentera jepun untuk menjalani latihan mereka seperti kawad, menembak dan yang lain-lain. Namun, ia tidak juga bertahan

lama dan bangunan lama tersebut mengalami perubahan dari segi fungsinya lagi. Dengan itu, perubahan dari segi pertambahan bangunan dan infrastrukturnya juga bertambah bagi kegunaan fungsi bangunan tersebut yang baru.

Seterusnya, sejarah bangunan lama ini juga adalah bangunan ini telah mengalami dan diistiharkan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar. Bangunan lama ini telah dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar adalah pada tahun 1975 oleh kerajaan negeri Pahang pada masa itu. Antara barang yang dipamerkan ataupun yang diletakkan pada muzium itu adalah manuskrip, al-quran dan koleksi-koleksi lama yang berkaitan dengan warisan dan peninggalan lama oleh generasi yang terdahulu. Walaupun berlakunya banyak perubahan fungsi dan perambahannya infrastruktur yang baru, reka bentuk dan seni bina bangunan lama tersebut masih lagi dikekalkan dan dipelihara sehingga kini.

Oleh itu, bangunan lama ini mempunyai identiti dan sejarah yang menarik dan bernilai kepada Negara dan juga masyarakat. Hal ini demikian kerana ia merupakan peninggalan warisan yang sangat berharga dan juga merupakan imej masyarakat dan negara kita. Oleh itu, bangunan lama ini haruslah dikekalkan dan dipelihara dengan baik, bagi mengelakkan bangunan ini daripada rosak dan terbiar tanpa dijaga.

4.3 Perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.

Muzium Sultan Abu Bakar ini merupakan satu bangunan lama yang telah dijadikan sebagai Muzium pada tahun 1975 oleh kerajaan negeri Pahang pada masa itu. Bangunan lama british ini telah dijadikan sebagai muzium setelah bangunan tersebut tidak lagi digunakan untuk tujuan yang lain. Hal ini demikian kerana, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga telah mengalami beberapa perubahan dari segi perubahan fungsi dan juga pertambahan bangunan mengikut fungsi bangunan lama tersebut pada masa itu. Oleh itu berlakunya perkembangan bangunan lama tersebut dari masa ke semasa. Antara perkembangan yang telah berlaku dari masa ke semasa adalah bangunan tersebut telah berfungsi sebagai Rumah Resident British, Markas Tentera Jepun, Istana Sultan Abu Bakar dan Muzium.

I. Rumah Resident British



Rajah 4.2: Rumah Kediaman President British

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

Pada asalnya, bangunan lama british yang telah dibina oleh pihak british pada tahun 1 julai 1888 ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai rumah Resident mereka. Hal ini demikian kerana ibu negeri bagi negeri Pahang adalah berada berhampiran dengan kawasan tersebut. Oleh itu, pihak british telah membina bangunan lama tersebut untuk menempatkan resident mereka.

Hal ini juga bagi memudahkan resident mereka untuk berurusan dengan kerajaan dan urusan mereka pada masa itu. Namun begitu, bangunan lama tersebut tidak kekal lama dijadikan sebagai Rumah Resident British tersebut. Hal ini demikian kerana, telah berlakunya perubahan lokasi ibu negeri Pahang pada masa itu akibat beberapa faktor yang menyebabkan ibu negeri Pahang perlu ditukar ke tempat lain. Pada masa itu, ibu negeri Pahang telah ditukarkan di daerah Kuala Lipis, Pahang. Dengan itu, Resident British itu juga turut perlu berpindah bagi memudahkan urusan.

II. Markas Tentera Jepun

Seterusnya, Bangunan Lama British ini juga telah mengalami perkembangan. Bangunan Lama British itu telah mengalami perkembangan menjadi Markas Tentera Jepun. Markas tentera merupakan satu tempat khas yang telah dijadikan sebagai tempat untuk satu pasukan tentera. Dimana tempat tersebut akan menjadi tempat mereka menjalani latihan dan pengurusan organisasi tentera ataupun ibu pejabat mereka. Dengan itu, bangunan lama british tersebut telah dijadikan sebagai tempat mereka menempatkan askar mereka serta menjalankan latihan tentera mereka di kawasan bangunan lama tersebut. Namun begitu, fungsi bangunan lama british ini sebagai Markas

Tentera Jepun juga tedak kekal lama. Hal ini demikian kerana fungsi bangunan lama british tersebut telah berubah lagi kepada fungsi yang lain.

III. Istana Sultan Abu Bakar

Seterusnya, bangunan lama ini juga telah mengalami perubahan dan perkembangan menjadi ataupun berfungsi sebagai Istana. Istana merupakan kediaman ataupun rumah yang didiami oleh raja. Bangunan lama british ini telah menjadi ataupun berubah menjadi istana kerana kehendak Sultan Abu Bakar sendiri yang ingin menjadikan Bangunan Lama itu menjadi Istana rasminya. Di istana ini juga telah dijadikan atau digunakan sebagai tempat Sultan Abu Bakar mengadakan Majlis bagi menyambut ulang tahun hari keputeraannya dan tempat baginda mengadakan mensyuarat.

Selepas itu, bangunan tambahan telah dibina pada tahun 1954 oleh mereka kerana bangunan yang sedia ada sedikit sempit untuk kegunaan dan keselesaan mereka untuk menggunakan sebagai tempat kediaman dan fungsi yang lain pada masa itu. Tidak beberapa lama kemudian, Sultan Abu Bakar Telah Memutuskan untuk meninggalkan bangunan lama tersebut. Hal ini demikian kerana Istana Abu Bakar telah siap dibina iaitu pada tahun 1965. Oleh itu, Sekali lagi bangunan lama tersebut tidak digunakan oleh mana-mana pihak pada masa itu.

IV. Muzium

Setelah bangunan lama ini telah ditinggalkan dan tidak lagi berfungsi sebagai istana, bangunan lama ini telah berkembang menjadi Muzium. Muzium merupakan satu tempat ataupun bangunan yang dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan khazanah purba ataupun barang-barang, dan alat-alat lama dan tradisional untuk tujuan memelihara dan memamerkan kepada masyarakat tentang sejarah yang terdapat di negara ini yang telah ditinggalkan oleh generasi yang terdahulu kepada generasi sekarang dan yang akan datang. Selain itu juga, ia bertujuan untuk memelihara sejarah tersebut daripada mengalami kerosakkan dan hilang. Dengan itu, setelah bangunan lama itu tidak digunakan lagi, Sultan Pahang telah memutuskan dan ingin mejadikan bangunan lama tersebut sebagai muzium negeri tersebut. Oleh hal yang demikian, pejabat Lembaga muzium negeri Pahang telah telah berpindah di istana kota beram. Disebabkan Bangunan lama british ini telah dijadikan sebagai muzium negeri, banyak perubahan dan bangunan tambahan yang telah dibangunkan serta pengubahsuaian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3.1 Fungsi Muzium Sultan Abu Bakar Pekan, Pahang.


Muzium Sultan Abu Bakar merupakan satu institusi sosial yang dibangunkan untuk memamerkan dan menyimpan ataupun memelihara peninggalan sejarah yang terdapat di negara ini. Muzium ini terletak di pekan Pahang. Muzium ini juga telah lama dibina ataupun dijadikan secara rasmi. Muzium ini telah dijadikan sebagai muzium pada tahun 1965. Muzium ini juga mempunyai peranan dan fungsi terhadap sejarah, masyarakat dan negara. Antara fungsi Muzium Sultan Abu Bakar ini adalah memelihara warisan sejarah, pusat pelancongan, dan pendidikan.

I. Memelihara Warisan

Muzium Sultan Abu Bakar ini mempunyai banyak fungsi yang penting tentang warisan-warisan dan sejarah yang terdapat di negara ini. Antara fungsi muzium ini adalah untuk memelihara warisan yang terdapat di negara ini. Hal ini demikian kerana muzium ini menyimpan dan akan memelihara serta memulihara barang-barang ataupun warisan yang telah ditempatkan di muzium tersebut. Warisan tersebut akan dijaga oleh pihak muzium dengan baik serta menjalani proses pemeliharaan dan pemuliharan bagi barang yang telah mengalami kerosakan. Dengan itu, warisan ini akan tetap terpelihara dan dapat dikekalkan kepada generasi yang akan datang.

II. Pusat Perlancongan

Selain itu, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga berfungsi sebagai pusat perlancongan. Hal ini demikian kerana muzium ini mempamerkan barang-barang khazanah purba, risalah lama, al-quran lama serta peralatan lama yang mempunyai sejarah yang tersendiri. Dengan itu, muzium ini akan menjadi sebagai tempat untuk masyarakat untuk datang berkunjung ke muzium tersebut. Oleh itu, belaku kemasukan wang serta mampu menampung kos dalam memelihara dan menjaga warisan yang terdapat di muzium itu. Selain itu, muzium ini juga akan dapat menarik pelancong dari luar untuk datang ke negara ini. Dengan itu sumber pendapatan negara juga akan turut bertambah. Selain itu, ia juga dapat memperkenalkan warisan yang terdapat di negara kita kepada negara luar.



Rajah 4.3: RAJAH PAMERAN DI MUZIUM SULTAN ABU BAKAR

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR



Rajah 4.4: RAJAH PAMERAN DI MUZIUM SULTAN ABU BAKAR

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

III. Pendidikan

Selain itu, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga berfungsi sebagai pendidikan. Hal ini demikian kerana, dengan adanya pameran yang telah dilakukan oleh muzium tersebut dapat memberikan sedikit sebanyak ilmu tentang warisan yang bersejarah di negara kita ini kepada pengunjung. Selain itu, ia juga mampu memberikan maklumat yang penting kepada pelajar ataupun penkaji yang mencari maklumat yang diperlukan bagi menjalankan kajian mereka. Seterusnya, ia akan dapat memperkenalkan warisan yang terdapat di negara ini kepada masyarakat sekarang, generasi yang akan datang dan negara luar. Dengan itu warisan yang berharga di negara ini akan terus diketahui dan tidak dilupakan oleh masyarakat, khususnya kepada generasi muda pada masa kini yang lebih terdedah dengan kemodenan dan generasi yang akan datang.

4.4 Keunikkan dan keistimewaan seni bina Muzium Sultan Abu Bakar

Muzium Sultan Abu Bakar ini merupakan satu bangunan lama yang telah dibina oleh pihak british pada tahun 1888. Bangunan ini dibina oleh pihak british atas tujuan menjadikannya sebagai tempat tinggal resident. Oleh itu, seni bina bangunan lama ataupun muzium Sultan Abu Bakar ini mempunyai reka bentuk dan seni bina yang menarik. Hal ini demikian kerana, terdapat pengaruh seni bina luar yang terdapat di bangunan lama tersebut. Seni bina sesuatu bangunan sangat penting kerana bangunan yang bagus dan baik haruslah mempunyai nilai Estetika, keindahan kekuatan bangunan tersebut dan fungsi bangunan itu sendiri.

Manakala menurut ibnun Khaldun, beliau mengatakan bahawa seni bina merupakan satu asas tamadun yang paling utama dan penting. Hal ini kerana seni bina juga dapat menunjukkan ataupun menjadi lambang sesuatu tamadun. Oleh itu, seni bina bangunan lama ataupun Muzium Sultan Abu Bakar juga merupakan lambang bagi sesuatu tamadun dan bangsa pada masa itu. Seterusnya seni bina Muzium Sultan Abu Bakar ini menggunakan dua sistem. kedua- dua sistem ini telah digabungkan ke dalam seni bina muzium tersebut. Antara sistem yang digunakan bagi membina muzium ini adalah sistem dinding tanggung beban dan sistem tiang dan alang.

I. Sistem dinding tanggung beban


Sistem dinding tanggung beban adalah merupakan satu sistem yang telah digunakan oleh mereka pada masa itu. Sistem dinding tanngung beban ini kebiasaannya digunakan pada binaan banggunan sebelum kaedah dan teknologi konkrit bercerucuk wujud dan digunakan dalam sesuatu pembinaan. Sistem ini telah digunakan pada bahagian utama muzium ini.

selain itu, ketebalan dinding muzium ini adalah beranggaran diantara 12'' hingga 14, dan dinding tersebut terbuat daripada ikatan bata yang telah dilepa. Oleh itu, dengan menggunakan sistem dinding tanggung beban ini, bangunan lama ini dapat menahan beban yang kuat dan masih bertahan sehingga ke hari ini.

II. Sistem tiang dan alang

Seterusnya, sistem yang telah digunakan dalam membina bangunan ini adalah sistem tiang dan alang. Sistem tiang dan alang ini merupakan satu sistem yang menahan dan menampung beban bangunan tersebut. Tiang telah digunakan pada bangunan tersebut bertujuan untuk menampung dan menyokong struktur bangunan itu yang terdiri dari rasuk di atas. Saiz bagi tiang yang telah digunakan bagi menampung dan menyokong struktur bangunan tersebut adalah bersaiz 1'6" Seterusnya, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga mempunyai dua jenis struktur bumbung. Antara jenis struktur bumbung yang telah digunakan adalah bumbung curam dan bumbung rata. Bagi bumbung curam, ia telah digunakan pada seluruh bahagian ruang tengah dan anjung muzium tersebut. Jenis atap yang telah digunakan pada bahagian tersebut adalah genting tanah liat merah. Selain itu, struktur bumbung rata pula telah digunakan pada bahagian serambi belakang. Jenis atap yang digunakan adalah konkrit tetulang. Selain itu, Seni bina yang terdapat pada muzium ini juga adalah, ia menggunakan dua jenis tangga. Antara jenis tangga yang telah digunakan di muzium ini adalah dengan menggunakan tangga batu dan juga tangga kayu. Tangga batu telah digunakan dalam muzium ini adalah bertujuan dan berfungsi untuk

menghubungkan bangunan tersebut dengan pejabat. Tangga batu ini dibina pada bahagian pintu hadapan dan pintu belakang. Seterusnya, tangga kayu pula telah dibina untuk tujuan dan berfungsi sebagai menghubungkan untuk ke tingkat yang lain. Seterusnya keistimewaan muzium ini juga adalah apabila kesemua pintu muzium ini adalah diperbuat daripada kayu. Ketinggian pintu adalah 90” dan lebar pintu adalah yang bersesuaian bergantung kepada kesesuaian pada ruangan itu sendiri. Selain itu, bingkai tingkap muzium ini juga telah diperbuat daripada kayu. Tingkap-tingkap muzium ini juga terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian atas diperbuat daripada kaca manakala bahagian bawah telah diperbuat daripada bahagian kayu keras.



Rajah 4.5: Tangga Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

Namun sepanjang penggunaan muzium ini, telah terdapat beberapa elemen yang telah diubah. Hal ini demikian kerana disebabkan oleh beberapa faktor dan mengikut kepada keperluan pada masa itu. Hal ini demikian kerana telah berlaku kerja-kerja konservasi bagi memulihara bahagian-bahagian yang telah rosak dan tidak berada dalam keadaan yang baik. Demi menjaga dan melindungi warisan agar tetap terpelihara aktiviti konservasi haruslah dilakukan agar warisan yang bernilai ini selamat dan dapat dikekalkan.



Rajah 4.6: Sebelum Konservasi (Muzium sultan abu bakar)

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR



Rajah 4.7: Semasa Proses Konservasi (Muzium sultan abu bakar)

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR



Rajah 4.8: Selesai Konservasi (Muzium sultan abu bakar)

Sumber: www.google.com/search?q=MUZIUM+SULTAN+ABU+BAKAR

MALAYSIA
—
KELANTAN

4.6. Penutup

Kesimpulannya, Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan Pahang merupakan satu warisan peninggalan kepada masyarakat setempat dan negara yang berharga dan mempunyai banyak sejarah yang berharga. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa bangunan lama ini mempunyai kepentingan kepada masyarakat serta negara. Dengan itu, bangunan lama ini haruslah mendapat penjagaan yang baik dan terus dipelihara agar warisan tersebut dapat dikekalkan. Seterusnya, pihak yang menjaga dan memelihara bangunan tersebut haruslah melakukan penjagaan yang baik agar tidak mengalami kerosakan dan mengekalkan reka bentuk serta seni bina bangunan itu. Hal ini kerana agar keaslian bangunan lama tersebut terjaga dan dapat dikekalkan hingga masa hadapan. Dengan adanya penjagaan dan pengekalan warisan bangunan lama ini, ia akan dapat diperkenalkan kepada generasi muda dan generasi yang akan datang. Oleh itu, warisan ini akan diketahui oleh generasi muda dan akan diteruskan oleh generasi muda agar warisan yang bersejarah dan bernilai ini tidak hilang diantara masyarakat dan negara kita.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini merupakan satu bahagian yang penting. Hal ini kerana di bahagian ini akan menunjukkan serta memberi gambaran secara menyeluruh terhadap kajian penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji iaitu tentang kajian berkaitan dengan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Selain itu, pada bahagian ini juga akan memberikan tentang kesimpulan terhadap hasil daripada kesemua objektif kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji tentang Bangunan Lama Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang. Seterusnya, di bahagian ini juga akan menunjukkan hasil daripada perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji tentang tahap keberkesanan maklumat yang tekah berjaya pengkaji kumpul dan dapatkan untuk membantu pengkaji dalam menjawab objektif kajian dan melakukan kajian dengan jayanya. Akhirnya, pada bab ini juga, pengkaji akan memberikan dan mencadangkan beberapa cadangan yang

berkesan yang boleh digunakan oleh pengkaji yang akan datang bagi menjalakan kajian yang sama iaitu tentang Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang. Dengan itu, kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji yang lain pada masa hadapan dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh mereka bagi menyiapkan tugas dan kajian penyelidikan mereka yang berkaitan dengan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang ini. Hal ini jelas menunjukkan dalam memartabatkan dan memperkenalkan warisan yang terdapat di negara ini kepada masyarakat, generasi muda dan kepada negara luar memerlukan usaha dan menjalakannya tanggungjawab masing-masing oleh semua pihak dan masyarakat. Hal ini kerana bagi menunjukkan sikap yang cinta akan warisan dan sejarah yang terdapat di negara kita, kerana ia merupakan peninggalan daripada generasi yang terdahulu kepada kita yang mempunyai banyak sejarah masyarakat terdahulu dan warisan yang sangat bernilai.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Perbincangan dapatan kajian

Pada bahagian ini pengkaji akan menhuraikan dan menyatakan dapatan daripada kajian yang telah dilakukan iaitu tentang bangunan bersejarah British dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang. Perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji adalah dengan mengenai menganalisa data kepada ketiga-tiga objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji dan diterangkan pada bab 4.

5.2.1 Objektif 1: Sejarah Bangunan Asal Muzium Sultan Abu Bakar

Setelah kajian dan analisis dijalankan oleh pengkaji tentang objektif pertama kajian ini iaitu sejarah bangunan asal british yang kini telah dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar pengkaji dapat memberi kesimpulan bahawa Muzium Sultan Abu Bakar ini adalah merupakan satu Muzium yang sangat bersejarah, mempunyai nilai yang beharga dan sangat penting kepada masyarakat dan negara ini. Oleh itu, muzium ini seharusnya tetap perlu dipelihara dengan baik agar warisan sejarah yang berharga ini dapat dijaga dengan baik.

Oleh itu, Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini juga, pengkaji dapat mengetahui sejarah muzium ini dengan lebih mendalam. Pengkaji juga dapat mengetahui sebab ataupun mengapa bangunan asal muzium ini dibina pada masa itu. Bangunan asal ini dibina adalah untuk dijadikan sebagai rumah ataupun tempat tinggal resident British yang datang ke negeri tersebut. Seterusnya Muzium ini juga merupakan satu bangunan lama yang telah dibina oleh pihak british. Bangunan lama british ini telah dibina sejak tahun 1888. Oleh itu, bangunan ini merupakan satu bangunan yang bersejarah dan merupakan satu warisan yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu kepada generasi pada masa kini dan juga kepada negara. Oleh itu, bangunan ini

mempunyai banyak sejarah sepanjang penggunaan ataupun sejak bangunan ini dibina. Muzium Sultan Abu Bakar ini juga mempunyai banyak fungsi lain sebelum dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar oleh kerajaan negeri Pahang pada tahun 1965 secara rasmi. Hal ini demikian kerana bangunan asal british ini mempunyai fungsi lain sejak ia dibina pada tahun 1888.

Contohnya, muzium ini pernah dijadikan sebagai markas tentera jepun, istana, balaikong seni, dan tempat tinggal resident british. Oleh itu, muzium ini juga telah mengalami banyak pertambahan struktur dan bangunan tambahan bagi memenuhi keperluan pada masa itu dan sesuai dengan fungsi bangunan pada masa itu. Oleh disebabkan bangunan ini merupakan bangunan lama, telah berlaku kerja-kerja konservasi terhadap bangunan tersebut. Hal ini demikian kerana untuk memulihara dan mencegah bangunan tersebut menjadi rosak dan musnah. Oleh itu, terdapat beberapa bahagian yang telah diubah suai mengikut keperluan dan faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan yang boleh menyebabkan bangunan tersebut rosak. Hal ini merupakan satu tindakkan yang baik bagi melindungi dan memelihara warisan yang berharga tersebut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2.2 Objektif 2: Perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar

Seterusnya, hasil daripada analisis dan kajian berdasarkan data dan maklumat dan data yang telah dikumpul, pengkaji dapat menjawab dan mencapai jawapan untuk objektif yang ke dua iaitu perkembangan dan fungsi Muzium Sultan Abu Bakar sendiri. Hal ini demikian kerana muzium ini merupakan fungsi yang terbaru bagi bangunan lama british tersebut. Muzium ini telah mengalami banyak perkembangan dari segi perubahan fungsi dan juga seni bina dari tahun 1888. Pada asalnya muzium ini merupakan bangunan yang telah dibina untuk dijadikan sebagai tempat tinggal resident british. Namun tidak kekal lama akibat berlaku perpindah ibu negeri pada masa itu. Dimana ibu negeri berpindah ataupun bertukar ke Kuala Lipis pada masa itu. Setelah itu, berlaku perkembangan dari segi fungsi bangunan itu apabila pihak tentera jepun telah menjadikan bangunan tersebut menjadi Markas Tentera Jepun. Mereka telah menetap dan menjadikan banguna tersebut sebagai ibu pejabat mereka serta tempat latihan untuk tentera mereka. Namun sekali lagi bangunan itu ditinggalkan dan tidak digunakan hal ini kerana telah berakhirnya perang pada masa itu, dengan itu tentera jepun telah pergi meninggalkan bangunan tersebut dan berpindah ke tempat lain.

Selepas itu, apabila bangunan lama ini telah ditinggalkan oleh pihak tentera jepun, Sultan Abu Bakar telah mengambil dan menjadikan bangunan tersebut sebagai istananya. Sultan Abu Bakar juga telah menjadikan istana tersebut sebagai tempat bermesurat. Pada masa itu juga, telah berlaku perkembangan dari segi pertambahan bangunan baru kerana bangunan yang sedia ada sedikit sempit untuk digunakan oleh Sultan Abu Bakar. Selepas istana Sultan Abu Bakar siap dibina, bangunan itu sekali lagi ditinggalkan dan tidak digunakan sehingga Sultan negeri Pahang memutuskan untuk menjadikan bangunan lama british tersebut sebagai Muzium Sultan Abu Bakar secara rasmi pada tahun 1965 di negeri tersebut. Oleh itu, Muzium Sultan Abu Bakar

ini telah berfungsi sebagai tempat ataupun bangunan yang menyimpan barang-barang ataupun peninggalan yang bersejarah. Hal ini demikian kerana untuk menjaga, memelihara serta memulihara peninggalan sejarah tersebut daripada rosak dan musnah. Selain itu, Muzium ini juga berfungsi sebagai tempat perlancongan. Hal ini kerana, Muzium tersebut mempamerkan tentang sejarah yang boleh dilihat oleh masyarakat untuk mengenal dan mengetahui tentang sejarah yang telah ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Selain itu, ia juga dapat menarik pelancong untuk datang ke Muzium tersebut dan dapat memperkenalkan warisan yang bersejarah ini kepada negara luar. Oleh itu, Usaha dalam memelihara dan memperkenalkan warisan ini haruslah diperkembangkan dan diperluaskan lagi bagi kebaikan dan kepentingan dalam memelihara serta memperkenalkan sejarah yang ada di negara ini agar tidak dilupakan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2.3 Objektif 3: Keunikkan dan keistimewaan seni bina Muzium Sultan Abu Bakar

Setelah kajian dan pengumpulan data dilakukan, pengkaji telah membuat analisis tentang objektif kajian yang kedua, iaitu tentang Keunikkan dan keistimewaan Seni Bina Muzium Sultan Abu Bakar. Seni Bina merupakan satu perkara ataupun aspek yang penting bagi sesuatu bangunan. Hal ini demikian kerana bangunan yang baik dan bagus harulah mempunyai aspek keindahan, ketahanan dan juga fungsi banguna itu sendiri. Selain itu, seni bina bagi sesuatu bangunan juga merupakan gambaran ataupun lambang kepada sesuatu budaya masyarakat pada masa itu.

Oleh itu, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga merupakan satu bangunan yang mempunyai seni bina yang baik. Hal ini demikian kerana, seni bina muzium ini sangat kukuh dan kuat. Oleh itu, struktur dan bangunan tersebut masih lagi kukuh dan kuat sehingga masa ini. Hal ini kerana seni bina yang digunakan pada bangunan lama ini adalah menggunakan sistem gabungan diantara sistem dinding tanggung beban dan juga sistem tiang dan alang. Dengan menggunakan kedua-dua sistem ini ia dapat menjadikan struktur bangunan ini menjadi sangat kukuh dan mampu untuk menahan beban serta tahan lama. Selain itu, bagi bahagian atap pula, seni bina yang digunakan juga adalah dua sistem. Antara sistem atap yang digunakan pada bangunan ini adalah sistem bumbung curam dan juga sistem bumbung rata. Hal ini demikian kerana bagi memudahkan pengaliran air hujan yang baik dan mengelakkan air bertakung di atas atap bangunan.

Seterusnya, keistimewaan dan keunikkan muzium ini juga adalah apabila kesemua pintu dan juga bingkai tingkap diperbuat daripada kayu. Hal ini menunjukkan bahawa muzium tersebut mengamalkan serta menggunakan ciri-ciri tradisional pada bahagian muzium tersebut. Selain itu, terdapat juga pengaruh barat terhadap seni bina Muzium Sultan Abu Bakar ini. Hal ini demikian kerana, terdapat beranda di bahagian bangunan ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ia merupakan pengaruh barat yang telah dibawa dan dimasukkan kepada seni bina bangunan lama tersebut. Selain itu juga, penggunaan Tiang yang besar dan mempunyai corak yang mengambarkan bahawa ia adalah budaya barat yang mereka bawa dari negara mereka dan menerapkan pada bangunan lama itu. Selain itu, terdapat juga pengaruh budaya melayu, apabila terdapat bahagian muzium tersebut yang menggunakan kayu dan juga kaedah tradisional. Oleh itu, muzium ini mempunyai keistimewaan dan keunikkanya yang tersendiri yang menyebakan bangunan tersebut menjadi sangat menarik dan merupakan satu warisan peninggalan yang berharga.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.3 Rumusan

Kesimpulannya, berdasarkan hasil daripada perbincangan yang telah dilakukan oleh pengkaji menunjukkan bahawa Metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang bangunan lama British yang dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang sangat berkesan dan berjaya dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian tersebut. Antara kaedah yang tealah digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan kaedah mendapatkan respondan untuk ditemubual. Kaedah temubual respondan ini merupakan satu kaedah yang sangat berguna dan baik, kerana telah banyak membantu pengkaji mendapatkan data dan maklumat bagi menjawab kepada objektif kajian tersebut.

Respondan yang telah ditemubal oleh pengkaji merupakan satu watak yang penting kepada pengkaji dan kajian kerana respondan merupakan sumber yang memberikan maklumat dan data bagi membantu dan memastikan pengkaji mendapat maklumat dan data yang cukup untuk menjalankan kajian. Hal daripada dapatan kajian yang telah diperolehi jelas membantu dan memberikan maklumat tentang sejarah bangunan lama tersebut serta menjawab kepada objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan oleh pengkaji.

Seterusnya, menurut rumusan dan analisis yang telah dibuat oleh pengkaji untuk menjawab objektif kajianmenunjukkan bahawa masih kurangnya lagi pengetahuan tentang sejarah Muzium Sultan Abu Bakar ini di kalangan masyarakat dan generasi muda pada masa kini. Hal ini demikian kerana maklumat dan data yang telah diberikan kepada pengkaji adalah terbatas dan tidak tepat. Hal ini dapat dikenalpasti apabila pengkaji melakukan kajian di internet untuk mendapatkan maklumat tambahan, seperti

sumber buku, jurnal dan artikel kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lepas.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.4. Cadangan

Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang merupakan satu warisan yang ketara, bersejarah yang sangat bernilai dan berharga. Warisan ini juga sangat penting kepada masyarakat dan juga negara. Hal ini demikian kerana, Setiap warisan yang terdapat di negara ini adalah merupakan satu peninggalan sejarah yang berharga kepada kita dan negara daripada generasi yang terdahulu. Selain itu, warisan juga menunjukkan juga ataupun menjadi lambang kepada imej dan budaya pada masa itu. Oleh itu, warisan ini perlulah dilindungi, dipelihara, dipulihara dan memperkembangkan untuk diperkenalkan kepada masyarakat dan juga negara luar serta untuk mengelakkan warisan ini pupus dan musnah. Oleh itu terdapat beberapa cadangan bagi membantu agar warisan ini tetap terpelihara dan tidak dilupakan oleh masyarakat pada masa ini dan yang akan datang. Antranya ialah:

I. Mengadakan Kempen

Bagi mengelakkan warisan yang bersejarah seperti Muzium dilupakan oleh masyarakat dan generasi yang akan datang, pihak yang bertanggungjawab ke atas muzium tersebut haruslah sentiasa mengadakan kempen untuk memperkenalkan muzium tersebut kepada masyarakat dan juga orang negara luar. Di kempen tersebut juga haruslah berkongsi dan menyampaikan tentang sejarah muzium tersebut serta fungsi dan keistimewaan muzium tersebut. Hal ini demikian kerana, masyarakat dan juga generasi muda amat kurang tahu tentang sejarah muzium itu dengan mendalam. Hal ini disebabkan generasi muda sekarang lebih terdedah dan berminat dengan teknologi yang moden sehingga tidak mengambil tahu tentang warisan-warisan yang terdapat di negara ini.

II. Mengembangkan warisan.

Seterusnya, langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan muzium ini dilupakan adalah dengan Mengembangkan lagi muzium tersebut. Hal ini dapat meperkenalkan lagi muzium tersebut kepada masyarakat dan juga orang negara luar. Contohnya mempromosikan dan memartabatkan muzium tersebut. Hal ini dapat membuka mata masyarakat dan orang negara luar untuk mengambil tahu dan sedar tentang warisan ini.

III. Menerapkan Ke Dalam Sistem Pendidikan

Seterusnya, bagi usaha untuk melindungi warisan ini agar tidak pupus dan dilupakan adalah dengan menerapkan warisan ke dalam sistem pendidikan untuk pendedahan awal kepada generasi muda. Dengan adanya pendedahan awal ini, generasi muda akan mendapat maklumat serta pengetahuan tentang warisan-warisan serta kepentingan warisan tersebut kepada diri, masyarakat dan juga negara. Hal ini juga akan dapat menarik minat generasi muda untuk mengetahui tentang warisan contohnya Muzium Sultan Abu Bakar ini dengan lebih mendalam.

5.5 Penutup

Kesimpulannya, Muzium Sultan Abu bakar Pekan Pahang ini merupakan satu bangunan lama yang telah dibina oleh pihak british pada masa dahulu dan mempunyai banyak sejarah mengenainya. Selain itu, Muzium Sultan Abu Bakar ini juga mempunyai keunikkan dan keistimewaan yang tersendiri. Hal ini kerana, reka bentuk dan seni bina bangunan tersebut yang cantik dan menarik. Oleh itu, bangunan lama british yang telah dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar ini merupakan satu warisan yang telah ditinggalkan kepada masyarakat dan negara adalah satu warisan yang sangat bernilai dan penting.

Oleh itu, Bangunan lama british ini haruslah terus diperlihara dan dijaga oleh pihak yang berwajib. Hal ini demikian kerana, bangunan lama british ini merupakan satu warisan yang penting kepada masyarakat dan negara. Selain itu, Bangunan lama british ini juga merupakan satu warisan yang ketara yang terdapat di negara ini. Seterusnya, bangunan lama british ini juga merupakan satu warisan yang penting kepada negara dan masyarakat kerana ia merupakan satu imej yang mengambarkan sesuatu budaya yang terdapat pada masyarakat dan negara kepada pelancong luar yang datang ke negara kita seta pandangan serta persepsi negara luar yang lain kepada masyarakat dan negara ini. Seterusnya, bangunan lama british ini juga perlu dipelihara dan dilindungi dengan baik adalah kerana bangun ini merupakan satu aset penting yang sangat bernilai yang terdapat di negara ini. Oleh itu, untuk memelihara warisan ini semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing serta menjalankan tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara bangunan lama british ini dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana untuk mengelakkan bangunan lama tersebut rosak dan terbiar begitu sahaja. Oleh itu, bagi memelihara bangunan lama british ini juga, pihak kerajaan ataupun masyarakat lain boleh memberikan bantuan ataupun sumbangan

kepada pihak yang memelihara bangunan lama tersebut. Hal ini kerana dalam melakukan pemeliharaan dan penjagaan memerlukan kos yang tinggi dan secara berterusan. Oleh itu, dengan adanya bantuan kewangan dari pihak kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat dapat membantu mengurangkan dan menampung kos untuk melakukan proses pemeliharaan tersebut.

Selain itu, Media massa juga merupakan satu cara ataupun tempat yang perlu memainkan peranan yang penting bagi memelihara dan memperkenalkan warisan ini kepada masyarakat dan kepada negara luar. Hal ini demikian kerana, media massa merupakan satu tempat yang luas, mudah menyebar maklumat dan mempunyai ramai pengguna. Oleh itu media massa mampu memberikan impak yang besar bagi memperkenalkan warisan yang berharga ini kepada masyarakat dan negara luar. Dengan itu, warisan ini akan terpelihara dengan baik dan dapat dikenalkan kepada generasi yang akan datang, yang merupakan penyambung kepada generasi sekarang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

Af Abdul Jalal, 2019, Jurnal Muzium Sultan Abu Bakar, from

[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=Sejarah+Muzium+sulta
n+abu+bakar+pekan+pahang&btnG=#d=gs_qabs&u=%23p%3DXSrHqV8fDDUJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=Sejarah+Muzium+sultan+abu+bakar+pekan+pahang&btnG=#d=gs_qabs&u=%23p%3DXSrHqV8fDDUJ).

Amirul Hafiz Zukkifli, 2015, Pemuliharaan bangunan warisan, from

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/15935/>

Burning & Kints (1987). Instrumen Kajian, from

[https://ustazkenali.wordpress.com/2012/06/08/instrumen-kajian.](https://ustazkenali.wordpress.com/2012/06/08/instrumen-kajian)

esnita Sonie, 2021, Dokumentasi dan analisis koleksi, from

[https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=muzium+sultan+abu+b
akar+pekan+pahang&oq=#d=gs_qabs&u=%23p%3DOv_BMcA7l3UJ](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=muzium+sultan+abu+b
akar+pekan+pahang&oq=#d=gs_qabs&u=%23p%3DOv_BMcA7l3UJ).

Eugene violet -le-duc, 1856, kamus seni bina from

https://wikipedia.net/ms/Gothic_Revival_architecture

Husnita. (2015). Metodologi Kajian, from

yuslalaintan.wordpress.com

JWN, 2020, Istana sultan Abu Bakar from

<Https://www.heritage.gov.my/.index.php/istana-sultan-abu-bakar-muzium->.

James, 2019. Sorotan kajian, from

[https://wallaceandjames.com/sorotan-kajian-daripada-kajian-yang-lepas-dengan-
lebih/](https://wallaceandjames.com/sorotan-kajian-daripada-kajian-yang-lepas-dengan-
lebih/)

Kakibuatblog, 2006, Definisi bangunan bersejarah, from

[https://www.researchgate.net/deref/http%3A%2F%2Fsyahrilnet2.blogspot.com%2F2
016%2F08%2Fdefinisi-bangunan-bersejarah.html](https://www.researchgate.net/deref/http%3A%2F%2Fsyahrilnet2.blogspot.com%2F2
016%2F08%2Fdefinisi-bangunan-bersejarah.html)

- Radu, v. 2009. Definition methodologies, from
<https://www.researchgate.net/deref/https%3A%2F%2Fwww.omniconvert.com%2Fbl%2Fqualitative-research-definition-methodology-limitation-examples.html>
- Rohana Yusof. (2004). Mastering Research Methods of Research Heritage of Malaysia.
https://www.researchgate.net/publication/275969875_Mastering_Research_Methods
- Sabitha. (2006). Reka bentuk Kajian Dalam Research Dalam Kajian lepas tesis, from
https://dynamic5900.blogspot.com/2012/12/reka-bentuk-kajian_19.html
- Sabitha Marica. (2005). Data Kualitatif, Data Kuantitatif, Populasi Dan Sampel Dalam Penelitian, from
<https://aghoestmoemet.wordpress.com/2013/11/25/data-kualitatif- datakuantitatif-populasi-dan-sampel-dalam-penelitian>.
- Ustazkenali 2013, definisi Istilah kajian, from
<https://ustazkenali.wordpress.com/2013/01/15/definisi-istilah-kajian-anda/amp/>
- Zuraidah Hassan, 2010, jurnal proses pendidikan muzium, from
https://scholar.google.com.my/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&as_vis=1&q=Sejarah+muzium&btnG=#d=gs_qabs&u=%23p%3D4689TcopiGkJ
- Zuraidah Hassan. (2012). Tesis Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian Muzium.
<https://docplayer.net/54726503-Prosedur-penjagaan-koleksi-warisan-kajian-di-jabatanmuzium-malaysia.html>.

Lampiran

CARTA GANTI: PROJEK PENYELIDIKAN 1

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)															
Draf awal															
Bab 1 : Pendahuluan															
Bab 2 : Sorotan Kajian															
Bab 3 : Metodologi Kajian															
Penghantaran draf															
Penyuntingan															
Pembentangan PP1															
Pembetulan															
Penghantaran PP1															

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 2

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia															
Perbincangan Projek Penyelidikan 2															
Membuat Soalan Temubual															
Perjumpaan Bersama Penyelia															
Pembetulan untuk Soalan Temubual															
Kajian Lapangan															
Menganalisis Dapatan Temubual															
Bab 4 : Dapatan Kajian															
Bab 5 : Rumusan dan Cadangan															
Penghantaran Bab 4 dan Bab 5															
Perjumpaan bersama Penyelia															
Penambahbaikan Laporan Projek Penyelidikan															
Penghantaran PP2															
Pembentangan Projek Penyelidikan 2															
Penghantaran Full Draf Laporan Projek Penyelidikan															



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN